

# Kapsul peti kecemasan rekaan UPM

**Keperluan** mempunyai peti kecemasan di setiap rumah tidak harus diambil mudah kerana 'malang tidak berbau'.

Peti kecemasan yang sedia ada di rumah juga perlu diletakkan di tempat yang mudah dicapai dan dipastikan tarikh luputnya supaya benar-benar bermanfaat apabila hendak digunakan.

Pensyarah Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina Universiti Putra Malaysia (UPM), Khairul

Manami Kamarudin serta Nurul Izzati Kamarudin, berjaya menghasilkan kapsul peti kecemasan yang memudahkan penyimpanan dan penggunaan alat rawatan perubatan itu.

Khairul Manami berkata, setiap rumah perlu mempunyai peti kecemasan untuk rawatan perubatan jika berlaku kecederaan, namun senario ini, peti kecemasan yang ada di rumah disimpan di merata-rata tempat dan mengambil masa untuk mencarinya.

having new features of medical storage with expiry date indication but also excites users by its styling and helps promote people to have it in every home.

#### Potential User

It is essential to have this kit in every home as home is one of accident-prone place.


from using bad medicine and cause more infections or injuries in the time of emergencies.

#### Current Practice

Currently first-aid in the market comes with many casing or zip bag designs.



Researcher's Name : Khairul Manami Binti Kamarudin  
Co-Researcher's Name : Muhamad Faizal Bin Che Lek, Ruhaini Bin Sulaiman, Nurul Izzati Binti Kamarudin  
Department : Industrial Design  
Faculty : Design and Architecture  
Email : manami@putra.upm.edu.my  
Contact Number : 910-432 8282



**Khairul Manami** menunjukkan reka bentuk kapsul peti kecemasan dihasilkan.

[SYAZWAN AFIFI ISMAIL/ BH]

"Kebanyakan ubat dalam peti kecemasan juga sudah mencapai tarikh luput dan tidak diganti baru dan ini juga menyukarkan pengguna apabila tiba masa ia diperlukan.

"Reka bentuk dihasilkan ini diharap dapat meningkatkan

kesedaran pengguna untuk menitikberatkan keperluan kemudahan rawatan perubatan ini di setiap rumah atau premis termasuk pejabat," katanya ketika ditemui pada Pameran Reka Cipta Penyelidikan dan Inovasi UPM, baru-

baru ini.

#### Mudah digunakan

Bentuk kapsul dipilih menggantikan peti dan beg yang ada di pasaran bagi memudahkan bekas peralatan perubatan itu digantung pada dinding dan pengguna mengambil ubat serta peralatan perubatan di dalamnya.

Selain itu, kedua-dua sisi tepi kapsul itu dilengkapi alat pantulan cahaya bagi memudahkan pengguna mengesan peralatan perubatan itu dalam keadaan gelap.

Khairul Manami berkata, idea menyertakan jalur penanda tarikh luput pula didapati daripada pembungkus makanan mentah termasuk daging dan sayur di pasar raya luar negara yang mempunyai ciri itu iaitu berwarna merah apabila

segar dan semakin pudar apabila kualitasnya berkurangan.

"Ubat sapu, aspirin dan paracetamol yang lazimnya didapati dalam peti kecemasan paling cepat luput tarikh penggunaannya dan jalur penanda tarikh luput yang berasaskan tempoh masa contohnya dua bulan, boleh digunakan bagi memastikan hal ini.

"Jalur penanda tarikh luput ONVU dihasilkan syarikat Jerman ini lebih murah berbanding penggunaan penanda tarikh luput digital. Fokus kami pada reka bentuk peti kecemasan dan turut memanfaatkan teknologi sedia ada sebagai langkah penjimatan kos," katanya sambil menambah rekaan itu dalam proses permohonan paten dan bakal diterbitkan dalam jurnal Stadex keluaran 2012.